

Rosmah terima kunjungan isteri pemimpin LID
Malaysiakini.com
June 21, 2011

Isteri perdana menteri, Datin Seri Rosmah Mansor menerima kunjungan hormat dari isteri tiga pemimpin yang menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) di Seri Perdana di Putrajaya, kediaman rasmi perdana menteri.

Mereka ialah isteri kepada Presiden Tanzania, Salma Kikwete, isteri Perdana Menteri Lesotho, Mathato Mosisili dan isteri Naib Presiden Kenya, Pauline Pauline K Kolonzo.

Rosmah menyambut ketibaan mereka pada kira-kira pukul 5 petang, semalam.

Turut hadir ialah Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan para isteri beberapa menteri kabinet Malaysia.

Rosmah dalam ucapannya berharap mereka dapat menyebarkan berita mengenai Malaysia dan memaklumkan kepada rakan masing-masing agar melawat negara ini.

"Saya berharap kita dapat bertemu lagi. Beritahulah kepada rakan-rakan anda yang Malaysia merupakan sebuah negara yang amat cantik dan rakyatnya amat mesra sekali," kata beliau.

Beliau berkata para isteri pemimpin juga seharusnya menjaga kebajikan wanita dan kanak-kanak di negara masing-masing.

"Tanggungjawab kita ialah untuk menjaga wanita dan kanak-kanak bagi memastikan yang mereka membesar menjadi rakyat yang berguna dan boleh menyediakan modal insan yang baik untuk menggalakkan lagi pertumbuhan negara-negara kita," kata beliau.

Sementara itu, Salma Kikwete dalam ucapannya, mempelawa delegasi Malaysia melawat Tanzania untuk mengetahui lebih lanjut mengenai negara itu.

- Bernama